

15/06/1998

Jangan ganggu politik (HL)

Faizal Fadzil; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelabur asing supaya tidak menggunakan kuasa ekonomi untuk mempengaruhi politik negara ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menyambut baik pelaburan asing kerana rakyat negara ini juga dapat meraih keuntungan hasil pelaburan yang dilakukan.

"Kita tidak mahu pelabur asing yang mahukan keuntungan bagi diri mereka saja sehingga sanggup memainkan peranan untuk menentukan siapa menjadi pemimpin dan sebagainya.

"Itu bukan tanggungjawab pelabur asing. Datang dan buatlah untung secara halal. Jangan cuba gunakan kuasa ekonomi untuk mempengaruhi politik dalam negara kita.

"Kita tahu bagaimana mengurus politik negara kita sebab itu negara kita aman dan makmur, bukan semata-mata kerana pelabur asing," katanya pada majlis pelancaran Dana Untuk Malaysia anjuran Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Dataran Merdeka, hari ini.

Sebanyak RM3 juta dikutip hasil sumbangan pemimpin politik dan korporat serta orang ramai.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Ketua Pergerakan Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan pemimpin 14 parti komponen BN.

Lebih 5,000 hadir di karnival sehari bertemakan 'Menjana Sokongan Menangani Kegawatan', termasuk usahawan kecil dan sederhana yang mendirikan gerai barangan buatan Malaysia di sepanjang jalan di Dataran Merdeka itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tetap bersikap terbuka dan mengalu-alukan kemasukan pelabur asing ke negara ini.

"Janganlah kata Malaysia perlu memberi isyarat kepada pelabur supaya mereka datang ke negara ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia menolak pelabur asing yang suka 'menikam dari belakang' dengan menarik keluar pelaburan mereka apabila rakyat tempatan membeli saham ketika harganya sedang naik menyebabkan harga saham jatuh kembali.

"Pelabur macam itu tak datang pun tak apa," katanya yang tetap melahirkan keyakinan terhadap kekukuhan asas negara ini yang masih memikat pelabur asing.

Perdana Menteri berkata kekuatan utama negara ialah perpaduan antara kaum yang masih sukar ditandingi mana-mana negara pelbagai bangsa.

"Rakyat Malaysia masih boleh berkumpul tanpa rasa takut ada orang tertentu yang akan dibinasakan. Inilah kejayaan besar negara kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian antara kaum selepas rusuhan kaum pada 1969 kerana negara berjaya menghapuskan sebab yang boleh mencetuskan rusuhan. Antaranya ialah pengagihan kekayaan yang seimbang.

Dr Mahathir juga memuji sikap rakyat negara ini yang sanggup berganding bahu bagi membantu negara menerusi sumbangan terhadap 'Dana Untuk Malaysia' yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

"Ia bukan tabung baru, tetapi bagi menambah tabung yang sedia ada," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kesanggupan rakyat daripada pelbagai kaum untuk

menderma `walaupun hanya satu sen' kepada dana itu membuktikan bahawa mereka setia dan cintakan negara mereka.

"Dengan sikap ini, kita dapat mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara supaya kita akan terus pulih (daripada kegawatan ekonomi) dan mencapai status negara maju pada tahun 2020," katanya.

Beliau berkata apa yang penting ialah bukan jumlah yang didermakan oleh seseorang kepada dana itu tetapi semangat mereka untuk berbakti kepada negara.

"Ini membuktikan mereka benar-benar rakyat Malaysia dan Malaysia ialah negara mereka dan jika negara menghadapi masalah, merekalah yang akan tampil ke hadapan untuk membantu," katanya.

(END)